



Headline: Lebih RM13,000 lesap ditipu sindiket pinjaman  
Publication/Portal: Utusan Malaysia  
Date: 8 August 2019

Language: Malay  
Section: Dalam Negeri  
Page: 6

## Lebih RM13,000 lesap ditipu sindiket pinjaman

**KEPALA BATAS 7 Ogos** - Seorang pesara dan penganggur kerugian lebih RM13,000 selepas terperdaya dengan sindiket pinjaman tidak wujud serta *Macau Scam* dalam kejadian berasingan di sekitar daerah ini semalam.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, penganggur berusia 32 tahun itu kerugian kira-kira RM6,930 manakala pesara berkenaan, RM6,290.

Menurutnya, dalam kejadian membabitkan penganggur, mangsa telah melihat iklan pinjaman dalam laman Facebook dan berminat membuat pinjaman sebanyak RM7,000.

“Mangsa yang meninggalkan nombor telefon di laman Facebook itu kemudian dihubungi seorang lelaki yang mengaku

ejen syarikat pinjaman.

“Ejen ini telah meminta mangsa membayar wang proses pinjaman secara berperingkat sehingga berjumlah RM6,930 dan mangsa membuat bayaran ke dua akaun berbeza dipercayai milik suspek,” katanya di sini hari ini.

Noorzainy memberitahu, mangsa hanya menyedari ditipu kerana masih diminta membuat bayaran walaupun telah membayar sebanyak RM6,930 untuk meminjam RM7,000.

Ujarnya, dalam kes yang melibatkan seorang pesara pula, mangsa yang berumur 54 tahun telah menerima panggilan daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai pegawai Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan terdapat tunggakan bil elektrik di premis milik mangsa.